

Mengamuk tak dapat rumah

Penduduk dakwa nama mereka tiada dalam senarai penerima PPR

SYAJARATULHUDA
MOHAMAD ROSLI

BUKIT MERTAJAM

Lebih 50 penduduk berang selepas mendakwa nama mereka sebagai penduduk asal Kampung Permatang Tok Suboh tiada dalam senarai penerima Projek Perumahan Rakyat (PPR) Permatang Tok Suboh di sini.

Wakil penduduk, Rosli Sukor, 43, berkata, mereka sangat kecewa apabila mendapati nama mereka tidak tersenarai sedangkan sudah memohon untuk pemilikan

rumah tersebut sejak enam bulan lalu.

Menurutnya, mereka bertambah berang apabila mendapati beberapa penduduk daripada 80 penerima telah dikenalpasti bukan penduduk asal kampung tersebut.

"Kami juga ada membuat permohonan melalui Perda (Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang) enam bulan lalu tetapi malangnya nama kami tidak tersenarai," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Kesemua mereka berkumpul di luar Dewan Serba Guna PPR Permatang Tok Suboh ketika majlis penyerahan surat tawaran Skim Perumahan Secara Sewa Beli PPR Permatang Tok Suboh kepada 20 penerima yang disempurnakan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin.

Kekecohan itu bagaimanapun berjaya ditenangkan



Zuraida ketika menerangkan penyelesaian yang akan diambil terhadap masalah penduduk yang terlibat.

pegawai Zuraida dengan memberi jaminan bahawa menteri tersebut akan membuat perjumpaan dengan penduduk terlibat selepas melawat salah sebuah rumah PPR.

Sementara itu, Zuraida berkata, semua penduduk

terlibat telah membuat permohonan dengan Perda menyebabkan maklumat permohonan tidak dimaklumkan kepada Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri selain tidak diberi maklumat yang betul berhubung permohonan.

"Untuk berlaku adil, saya telah arahkan seorang pegawai bahagian perumahan negeri mengambil permohonan kesemua penduduk untuk ditapis. Bagaimanapun, saya menegaskan saya tidak berjanji bahawa semua penduduk yang memohon

akan dapat rumah kerana pemilihan akan dibuat mengikut syarat kelayakan," katanya.

Menurutnya, jumlah keseluruhan rumah PPR itu adalah 231 yang mana 80 penerima telah dikenalpasti manakala bakinya masih dalam semakan.

"Permohonan mereka akan diberi keutamaan dan sekiranya mereka tidak dapat dalam PPR Permatang Tok Suboh ini, nama mereka akan dimasukkan dalam senarai menunggu. Jika selepas ini ada PPR di kawasan lain, nama mereka ini akan diberi keutamaan.

"Ini yang saya cakapkan dan telah dipersetujui oleh penduduk," katanya.

Dalam pada itu, Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Jagdeep Singh Deo berkata, keutamaan akan diberikan kepada mereka yang telah diarahkan untuk berpindah.